BANK ISLAM

Akaun Al Awfar

Laporan Prestasi Dana
Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018

T 603 26 900 900 URL bankislam.com.my facebook.com/bankislam

BANK ISLAM

Akaun Al Awfar

Laporan Prestasi Dana Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018

1.0 Maklumat Utama Dana

Pelanggan yang Dihormati,

Tahniah kerana menjadi pemegang Akaun Al-Awfar, iaitu akaun pelaburan pertama seumpamanya di bawah kontrak Mudarabah yang direka untuk menawarkan pelbagai peluang memenangi hadiah yang di taja oleh Bank di samping menjana keuntungan. Akaun pelaburan Al-Awfar diperkenalkan di dalam sistem perbankan Islam Malaysia pada bulan Jun 2015 selaras dengan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA).

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Prestasi Dana Akaun Al-Awfar yang berikut bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018.

1.1 Nama Produk

Akaun Al Awfar (Akaun Pelaburan berasaskan Mudarabah)

1.2 Jenis Akaun Pelaburan

Akaun Pelaburan Tidak Terhad: merujuk kepada jenis akaun pelaburan di mana pemegang akaun pelaburan memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan muktamad bagi membuat pelaburan tanpa menetapkan apa-apa sekatan atau syarat tertentu.

1.3 Objektif Pelaburan Dana

Untuk melabur di dalam akaun pelaburan berisiko rendah bagi menggalakkan simpanan di samping berpeluang untuk memenangi hadiah melalui cabutan bulanan, suku tahunan dan peringkat wilayah.

1.4 Strategi Pelaburan Dana

Melabur dalam aset kewangan runcit yang selamat. Pada masa ini, aset yang diperuntukkan ialah Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Bank yang bertujuan untuk melindungi pelaburan.

1.5 Ciri-Ciri Akaun Pelaburan

Atas permintaan, iaitu pemegang akaun pelaburan boleh membuat pengeluaran pada bila-bila masa.

1.6 Peruntukan Aset Pelaburan

Bank akan memperuntukkan dana pemegang akaun pelaburan dalam Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap sedia ada bagi menghasilkan keuntungan yang stabil.

1.7 Profil Pelabur

- Kategori pelabur:
  - Individu (Pemastautin dan Bukan Pemastautin)
  - Bukan Individu (Perniagaan/Entiti lain)
- Pelabur dengan toleransi risiko yang rendah
- Pelabur yang ingin memenangi hadiah
- Pelabur yang memerlukan tempoh pelaburan jangka pendek atau sederhana
- Pelabur yang memerlukan portfolio pelaburan patuh Syariah

Nota: Para pelabur dinasihatkan supaya mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan. Pelabur akan berhadapan risiko berikut; risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan, risiko operasi dan risiko undang-undang. Sila layari laman web Bank Islam untuk penjelasan lebih lanjut mengenai setiap risiko.

1.8 Penilaian Aset Yang Diperuntukkan

Penilaian akan dijalankan setiap bulan sebagai sebahagian daripada proses untuk menentukan pulangan kepada pelabur. Pulangan daripada pelaburan ini dipengaruhi oleh prestasi aset yang diperuntukkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kualiti aset (iaitu pembiayaan terjejas) dan pergerakan Kadar Keuntungan Efektif (EPR) berkaitan aset pembiayaan yang ditetapkan berdasarkan kaedah kadar terapung dan lain-lain. Amaun prinsipal dan pulangan tidak dijamin dan pemegang akaun pelaburan berhadapan risiko tidak mendapat sebarang pulangan. Akaun pelaburan ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Walau bagaimanapun, produk ini telah distruktur untuk mengurangkan risiko kehilangan prinsipal. Sekiranya berlaku senario pencairan, pemegang akaun pelaburan akan diberi keutamaan berbanding pendeposit.

1.9 Dasar Pengagihan

Keuntungan akan diagihkan setiap bulan, tetapi akan dikira setiap hari. Keuntungan ditentukan berdasarkan prestasi Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap.

1.10 Penyata Berhubung Sebarang Perubahan

Tiada perubahan pada objektif, strategi, sekatan danhad pelaburan dalam tempoh suku tahunan ini.

2.0 Penyata Risiko

Lembaga Pengarah Bank Islam mempunyai tanggungjawab utama untuk menguruskan risiko operasi dan aktiviti perniagaannya dengan menetapkan kecenderungan dan tahap toleransi risiko yang konsisten dengan objektif keseluruhan perniagaan Bank serta profil risiko yang diingini. Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dibantu oleh Bahagian Pengurusan Risiko bagi memastikan terdapat pengawasan berkesan terhadap pembangunan strategi, dasar, prosedur dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Bank.

3.0 Struktur Hadiah

Berdasarkan objektif pelaburan yang ditetapkan, IAH layak mengambil bahagian dalam cabutan bulanan, suku tahunan dan wilayah. Oleh itu, mereka dapat menikmati pelbagai peluang untuk memenangi hadiah seperti yang berikut:

3.1 Struktur Hadiah

Cabutan Bulanan :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	100,000	1
2	10,000	1
3	1,000	20

Cabutan Suku Tahunan :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	1,000,000	1
2	10,000	20

Cabutan Bulanan Wilayah :

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Bilangan Pemenang
1	50,000	5

Kempen GO Umrah :

Tempoh Kempen	Hadiah	Bilangan Pemenang
November dan Disember	Pakej Umrah	15

Nota:

- Cabutan bulanan bagi bulan Mac, Jun, September dan Disember adalah untuk Akaun Amanah Al Awfar.
- Semua hadiah disediakan oleh Bank dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

3.2 Unit Kelayakan

3.2.1 Hadiah Wang Tunai

Setiap pelaburan bernilai RM100 berhak mendapat satu (1) unit kelayakan untuk cabutan. Walau bagaimanapun, Bank mempunyai budi bicara untuk mengkaji semula bilangan unit kelayakan dari semasa ke semasa.

3.2.2 Kempen

Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Terma dan Syarat bagi setiap kempen yang dianjurkan.

3.3 Ahli Jawatankuasa Cabutan

Ahli Jawatankuasa Dalaman	Ahli Jawatankuasa Luar
Bahagian Syariah	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
Bahagian Pengurusan Risiko	Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

3.4 Pemenang Cabutan Hadiah Al Awfar bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018

Cabutan Bulanan:

Bulan	Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
Januari	1	100,000	Mohamed Salim Bin Mohamed Shariff
	2	10,000	Sugiyarto Bin Jono
	3	1,000	20 Pemenang*
Februari	1	100,000	Khairudin Bin Daud
	2	10,000	Norzian Binti Zahani
	3	1,000	20 Pemenang*
Mac (Cabutan untuk Akaun Amanah)	1	100,000	Nur Hannan Nashwa Binti Muhamad Redzuan
	2	10,000	Ahmad Luqman Haqimy Bin Norhazli
	3	1,000	20 Pemenang*

Cabutan Suku Tahunan:

Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
1	1,000,000	Sinivasen A/L Sevalinggam
2	10,000	20 pemenang*

Cabutan Bulanan Wilayah:

Bulan	Hadiah	Hadiah Wang Tunai (RM)	Pemenang
Januari	1	50,000	Rusimah Binti Satiman Mohamad Nor Bin Abdul Rahim Lim Yan Ting Mahani Binti Hanafi Abdul Wahed Bin Ameran
Februari	1	50,000	Mohd Sabri Bin Hassan Sehebudin Bin Ali Ahmad Zaidon Bin Rais Shaikh Muhamad Bin Shaikh Keramat Kapriah @ Kasmah Binti Kamarudin
Mac	1	50,000	Khairul Nizar Bin Ghazali Rawdzah Binti Mat Ali Nor Hayati Binti Mohd Hasan Ab Rahman Bin Mat Jusoh Anita Binti Molen

Pemenang Kempen :

Hadiah	Pemenang
Go Umrah	15 pemenang*

Dari bulan Januari hingga Mac 2018, seramai 117 pelanggan telah memenangi hadiah Al Awfar.
***Sila rujuk laman web untuk senarai penuh pemenang.**

4.0 Prestasi Dana

4.1 Prestasi bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018

Kedudukan 2018	Saiz Dana RM'000	Pulangan Aset (ROA)* % (p.a.)	Nisbah Perkongsian Keuntungan (Pelanggan: Bank)	Pulangan Pelaburan (ROI) % (p.a.)	Tempoh Pengagihan
Januari	1,982,006	5.27%	2 : 98	0.11	16 Feb 18 - 15 Mac 18
Februari	2,083,561	5.37%	2 : 98	0.11	16 Mac 18 - 15 Apr 18
Mac	2,158,916	4.89%	2 : 98	0.10	16 Apr 18 - 15 Mei 18

* ROA - aset yang diperuntukkan kepada dana.

4.2 Peruntukan Aset

Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap.

5.0 Pembayaran Keuntungan

5.1 Penyata Untung & Rugi

AKAUN AL AWFAR

Penyata Untung & Rugi Bagi Suku Tahun Berakhir 31 Mac 2018

	Januari RM'000	Februari RM'000	Mac RM'000
Keuntungan daripada pembiayaan	8,901	8,549	8,868
Perbelanjaan langsung*	-	-	-
Peruntukan bagi pembiayaan terjejas	(142)	(131)	(181)
Keuntungan Bersih	8,759	8,418	8,687
Pulangan Aset (p.a.)	5.27%	5.37%	4.89%
Pulangan Pelaburan (p.a.)	0.11%	0.11%	0.10%

* Perbelanjaan boleh dikenal pasti, boleh diukur dan perlu ditanggung untuk melengkapkan aktiviti pelaburan tertentu (termasuk pembiayaan).

Nota:
Keuntungan adalah berdasarkan prestasi Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap.

5.2 Kajian Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Setakat 31 Mac 2018

Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Lokasi di Malaysia



Sebanyak 40.3% daripada jumlah Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap adalah dari Wilayah Tengah. Ini menunjukkan pembiayaan Bank lebih tertumpu kepada kawasan maju seperti Lembah Klang.

Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap Mengikut Baki Tempoh Matang Kemudahan



Sebahagian besar daripada Portfolio Pembiayaan Perumahan dan Aset Tetap mempunyai tempoh matang lebih daripada 15 tahun. Ini akan memastikan kestabilan dalam aliran keuntungan Bank yang dapat memberikan manfaat kepada profil pulangan pelaburan terutamanya untuk pelaburan jangka panjang.

Kualiti Aset Portfolio Perumahan



Portfolio pembiayaan terjejas yang rendah menunjukkan kualiti asset yang kukuh.

6.0 Sorotan dan Prospek Ekonomi

Sentimen pasaran kewangan dilihat semakin meruap pada suku pertama tahun ini. Ini berikutan jangkaan pergeseran perdagangan antarabangsa di antara dua negara iaitu Amerika Syarikat (AS) dan China apabila kedua-dua negara ini mengumumkan beberapa langkah peningkatan tarif import. Selain itu, faktor geo politik juga menjadi perhatian apabila terdapat serangan senjata bahan kimia di United Kingdom pada awal Mac yang lalu. Situasi ini telah mengakibatkan beberapa ahli diplomat dari Rusia di usir keluar daripada beberapa buah negara di Eropah dan AS. Selain daripada itu, Rizab Persekutuan AS telah membuat keputusan untuk menaikkan kadar faedah di AS sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada bulan Mac. Meskipun demikian terdapat perbezaaan pandangan di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) mengenai prospek kenaikan kadar faedah pada tahun ini. Faktor ini disebabkan oleh jangkaan kadar inflasi yang dilihat stabil di samping pasaran buruh yang bertambah baik. Dari sudut ekonomi domestik, petunjuk-petunjuk ekonomi dilihat agak bercampur-campur. Jumlah eksport pada bulan Februari menurun sebanyak 2% selepas mengalami pertumbuhan sebanyak 17.9% pada bulan sebelumnya. Pada masa yang sama, Indeks Pengeluaran Industri (IPI) juga menunjukkan pertumbuhan yang sederhana iaitu 3% pada bulan Februari berbanding 5.5% pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan sederhana ini berikutan peningkatan nilai ringgit berbanding dolar AS sebanyak 1.1% yang telah memberi kesan kepada sektor-sektor yang berasaskan eksport. Secara relatifnya, peningkatan nilai ringgit ini akan menyebabkan peningkatan harga barangan eksport negara pada pandangan para pengimport. Walaubagaimanapun, kadar inflasi dilihat stabil dengan kenaikan yang dicatatkan adalah 1.4% pada bulan Februari yang lalu. Kadar inflasi yang rendah disumbangkan oleh faktor penurunan harga minyak yang secara puratanya telah turun sebanyak dua sen pada bulan Februari. Justeru, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan lebih mampan berikutan peningkatan permintaan luaran serta kestabilan di dalam sektor domestik. Oleh itu, pihak Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sekitar 5.5% ke 6.0% pada tahun 2018 berbanding pertumbuhan sebanyak 5.9% pada tahun 2017.

7.0 Sorotan Pasaran Hartanah

Menurut Laporan Pasaran Hartanah 2017 yang diterbitkan dan dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan pada April 2018, dilaporkan bahawa sektor pasaran hartanah telah mencatatkan 311,824 transaksi bernilai RM139.84 billion pada tahun 2017, menurun sebanyak 2.7% dan 3.8% masing-masing dalam bilangan dan nilai transaksi berbanding tahun 2016. Sementara itu, KDNK naik 5.9% berbanding dengan 4.2% pada 2016. Indeks harga Rumah Malaysia (MHPI) berada pada 187.4 mata, naik 6.5% berbanding 2016. Selain itu, dilaporkan bahawa data nilai transaksi untuk bulan Januari dan Februari 2018 berbanding dengan bulan yang sama pada 2017 meningkat dalam lingkungan 4.0%. Bagi hartanah kediaman, pasaran sekunder telah mencatatkan 194,684 transaksi bernilai RM68.74 billion, menurun sebanyak 4.1% dalam bilangan berbanding tahun 2016 tetapi meningkat sedikit sebanyak 4.4% dalam nilai. Bagi pelancaran baru, 77,570 unit dilancarkan pada 2017, lebih tinggi daripada 2015, (58,411 unit) dan pada 2016, (52,713 unit). Jumlah hartanah kediaman siap dibina tidak terjual meningkat sebanyak 67.2% kepada 24,738 unit berbanding 14,792 unit pada 2016 manakala nilai telah meningkat sebanyak 82.2% kepada RM15.64 billion pada 2017 berbanding RM8.56 billion pada 2016. Sebilangan besar hartanah tidak terjual berlaku disebabkan ketidaksepadanan harga pelancaran baru, kemampuan isi rumah, lokasi dan produk. Untuk hartanah kediaman di Lembah Klang, harga secara keseluruhan menunjukkan pergerakan bercampur-campur. Rumah teres, pangsapuri dan kondominium menyaksikan kenaikan modal berterusan terutamanya unit yang terletak di Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Sederhana (MRT). Sewa dilihat mengukuh di lokasi pilihan utama terutamanya unit bertingkat tinggi yang terletak berhampiran dengan institusi pengajian tinggi, di sepanjang laluan LRT dan MRT. Purata pulangan sewa untuk unit bertingkat tinggi adalah di antara 1.2% dan 6.6%. Portfolio pembiayaan perumahan Bank Islam terus mencatatkan peningkatan daripada RM16.8 bilion pada Disember 2017 kepada RM17.3 bilion setakat bulan Mac 2018. Ekoran daripada itu, portfolio pembiayaan perumahan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3% bagi dua tempoh berkenaan. Meskipun mencatatkan pertumbuhan, kualiti aset terus mencatatkan trend yang menggalakkan apabila Nisbah Hutang Tidak Berbayar

(GIFR) menurun daripada 0.90% pada bulan Februari kepada 0.87% pada bulan Mac. Perkara ini menunjukkan penilaian kredit berhemah yang dilaksanakan oleh pihak Bank Islam. Justeru, prospek pasaran hartanah kediaman dijangka akan terus berkembang sihat disokong oleh faktor-faktor seperti proses urbanisasi serta tenaga kerja muda yang dijangka akan meningkatkan permintaan terhadap pembiayaan perumahan. Dalam hal ini, pihak Bank Islam akan terus memberi tumpuan kepada kawasan kediaman yang strategik serta berpotensi untuk dimajukan dan pada masa yang sama, sentiasa berhati-hati terhadap risiko yang bakal dihadapi.

Disediakan oleh:

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

“LAPORAN PRESTASI DANA INI DISEDIAKAN SEMATA-MATA UNTUK MANFAAT PEMEGANG AKAUN PELABURAN DAN TIDAK BOLEH DISALIN, DIPETIK ATAU DIRUJUK SECARA KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TANPA KEBENARAN BERTULIS DARI BANK ISLAM TERLEBIH DAHULU. BANK ISLAM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SESIAPA SAHAJA SELAIN PIHAK YANG DIKENALPASTI DALAM LAPORAN PRESTASI DANA INI BAGI MAKLUMAT YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN INI”